

**PLEA BARGAIN DALAM KERANGKA KEADILAN JENAYAH ISLAM SYARIAH:
ANALISIS CADANGAN PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA**

**PLEA BARGAINING WITHIN THE ISLAMIC CRIMINAL JUSTICE FRAMEWORK: AN ANALYSIS OF
ITS PROPOSED IMPLEMENTATION IN THE SYARIAH COURTS IN MALAYSIA**

^{i,*}Ahmad Hambali Mohamad Ali, ⁱⁱMohd Sabree Nasri & ⁱⁱⁱAbdul Karim Ibrhim

ⁱJabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, 1054A, Jalan Sendayan, 71950 Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱFakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

^{*}(Corresponding author) e-mail: hambali@esyariah.gov.my

Article history:

Submission date: 15 May 2025

Received in revised form: 1 August 2025

Acceptance date: 15 November 2025

Available online: 31 December 2025

Keywords:

Plea bargaining, Syariah criminal justice, Malaysian Syariah Courts, implementation of Syariah law, restorative justice, plea bargain, keadilan jenayah syariah, Mahkamah Syariah Malaysia, pelaksanaan undang-undang syariah, keadilan restoratif

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sector.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Mohamad Ali, A. H., Nasri, M. S., & Ibrhim, A. K. (2025). Plea bargain dalam kerangka keadilan jenayah Islam syariah: Analisis cadangan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia: Plea bargaining within the Islamic criminal justice framework: An analysis of its proposed implementation in the Syariah Courts in Malaysia. *Al-Taqrir: Jurnal Perundangan Syariah Negeri Sembilan*, 1(1), 108-121. <https://doi.org/10.33102/altaqir.21>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The implementation of *plea bargaining* in the Syariah criminal justice system in Malaysia is an increasingly relevant issue, as it has the potential to expedite the trial process and reduce court congestion. However, the application of *plea bargaining* in the context of Syariah criminal law in Malaysia requires in-depth study to ensure that it does not conflict with the principles of justice established by Islam, particularly in maintaining the rights of the accused and the victim. This study aims to analyze the proposed implementation of *plea bargaining* in Syariah criminal cases under the jurisdiction of the Syariah Courts in Malaysia, with a focus on issues of justice and transparency in the legal process. The study uses a literature review approach, examining and analyzing literature related to *plea bargaining*, including previous studies, Syariah law, and its application in the judicial system. The data obtained is analyzed through content analysis using a qualitative research approach. The findings show that *plea bargaining* has the potential to expedite the resolution of cases, but the main challenge is to ensure that justice is preserved without neglecting the rights of the victim. Therefore, the proposed model for implementing *plea bargaining* must include strict oversight mechanisms to ensure that Syariah principles are respected. The critique and reflection in this study are important for improving and enhancing the Syariah criminal justice system in Malaysia.

ABSTRAK

Pelaksanaan *plea bargain* dalam sistem perundangan jenayah syariah di Malaysia merupakan suatu isu yang semakin relevan, memandangkan ia berpotensi untuk mempercepatkan proses perbicaraan dan mengurangkan kesesakan mahkamah. Walau bagaimanapun, penerapan *plea bargain* dalam konteks undang-undang jenayah syariah di Malaysia memerlukan kajian mendalam untuk memastikan ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan yang ditetapkan oleh Islam, terutamanya dalam mengekalkan hak tertuduh dan mangsa. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cadangan pelaksanaan *plea bargain* dalam kes-kes jenayah syariah yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia, dengan fokus kepada isu-isu keadilan dan ketelusan dalam proses perundangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan, dengan meneliti dan menganalisis literatur yang berkaitan dengan *plea bargain*, termasuk kajian terdahulu, perundangan syariah, dan penerapannya dalam sistem kehakiman. Data yang diperoleh dianalisis secara analisis kandungan dengan pendekatan kajian secara kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa *plea bargain* berpotensi untuk mempercepatkan penyelesaian kes, tetapi cabaran utama adalah untuk memastikan keadilan terpelihara tanpa mengabaikan hak mangsa. Oleh itu, cadangan model pelaksanaan *plea bargain* perlu disertakan dengan mekanisme pengawasan yang ketat untuk memastikan prinsip syariah tetap dihormati. Kritikan dan refleksi dalam kajian ini penting untuk memperbaiki dan menambahbaik sistem keadilan jenayah syariah di Malaysia.

Pengenalan

Plea bargain adalah satu proses perundingan yang membolehkan tertuduh mengaku bersalah secara sukarela, sebagai balasan untuk menerima hukuman yang lebih ringan daripada yang sepatutnya. Amalan ini telah digunakan secara meluas dalam sistem perundangan sivil di banyak negara, termasuk Amerika Syarikat, dengan tujuan untuk mempercepatkan proses perbicaraan dan mengurangkan beban mahkamah. Di Malaysia, konsep ini mula mendapat perhatian dalam konteks undang-undang jenayah syariah, khususnya dalam kes-kes yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Isu ini penting untuk dikaji memandangkan sistem perundangan syariah Malaysia sedang berkembang dan berusaha untuk menangani isu-isu kesesakan mahkamah serta memastikan keadilan yang lebih efisien tanpa menjejaskan prinsip syariah. Mengikut statistik dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah kes jenayah syariah yang meningkat saban tahun menunjukkan keperluan untuk memperbaiki sistem penyelesaian kes di mahkamah syariah. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk menganalisis cadangan pelaksanaan dalam kes-kes jenayah syariah di Malaysia, bagi mengatasi ketidakselarasan dan ketidakseragaman dalam pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam antara negeri-negeri di negara ini.

Menurut Razak (2022), pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia pada masa ini menunjukkan variasi yang ketara antara negeri-negeri. Hal ini dapat dibuktikan melalui peruntukan hukuman yang berbeza-beza bagi kesalahan yang sama di peringkat negeri. Selain itu, isu ini berpotensi menimbulkan penghakiman yang tidak konsisten oleh Mahkamah Syariah antara satu negeri dengan negeri yang lain, walaupun melibatkan fakta kes yang serupa. Keadaan ini didapati boleh menimbulkan kekeliruan serta ketidakpuasan dalam kalangan rakyat, khususnya umat Islam di negara ini. Oleh yang demikian, berdasarkan keperluan semasa, undang-undang Islam sewajarnya dipandang sebagai satu sistem yang seragam dan konsisten, tanpa wujudnya interpretasi yang berbeza-beza dalam satu negara yang sama.

Penyelidikan terdahulu mengenai *plea bargain* atau perundinganakuan lebih tertumpu kepada aplikasi dalam sistem perundangan sivil, dengan kajian-kajian yang membincangkan kesan dan keberkesannya dalam mempercepatkan perbicaraan (Stuntz, 2013; Berman, 2017). Contoh kes yang boleh dirujuk ialah kes yang melibatkan pengurus syarikat agensi pelancongan Hafizul Hawari yang membuat permohonan rundingan pengakuan bersalah atau *plea bargaining* di Mahkamah Sesyen di Sepang atas tuduhan cuba membunuh bekas isterinya dan *mencederakan* pengawal peribadi mangsa, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada April tahun lepas (Astro Awani, 2025). Walau bagaimanapun, kajian mengenai penerapan dalam undang-undang jenayah syariah Malaysia masih terhad. Beberapa kajian yang ada mencadangkan bahawa amalan ini dapat memberikan kecekapan dalam sistem perundangan, tetapi ada juga yang menyuarakan kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan dan ketidakseimbangan dalam hak tertuduh dan mangsa (Zappalà, 2010). Di negara-negara yang mengaplikasikan undang-undang syariah, seperti Arab Saudi, terdapat juga perbincangan mengenai

penerimaan *plea bargain* dalam kes-kes yang tidak melibatkan hudud, tetapi masih kurang dibincangkan dalam konteks Malaysia. Justeru, kajian ini penting untuk mengisi kekosongan dalam literatur dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan *plea bargain* dalam Mahkamah Syariah Malaysia.

Artikel ini bertujuan untuk mengisi jurang dalam kajian mengenai *plea bargain* dalam sistem perundangan syariah di Malaysia, terutamanya di Mahkamah Syariah. Kajian ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan utama. Pertama, bagaimana *plea bargain* boleh diterima dalam konteks kes-kes jenayah syariah yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia? Kedua, apakah prinsip-prinsip syariah yang perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan *plea bargain* agar ia tidak bertentangan dengan hukum Islam? Ketiga, apakah cabaran utama dalam pelaksanaan *plea bargain* dalam Mahkamah Syariah Malaysia dan bagaimana ia boleh diterima tanpa menjejaskan hak mangsa serta prinsip keadilan syariah?

Artikel ini berasaskan tiga hujah utama. Pertama, *plea bargain* dalam undang-undang jenayah syariah Malaysia berpotensi untuk mempercepatkan proses perbicaraan dan mengurangkan beban mahkamah, namun ia perlu dijalankan dengan penuh ketelusan dan berdasarkan prinsip syariah yang menekankan keadilan. Kedua, *plea bargain* boleh diterima dalam kes-kes yang tidak melibatkan hukuman yang ketat seperti kesalahan hudud, tetapi ia perlu dipantau dengan teliti bagi memastikan bahawa keputusan yang dibuat tidak bertentangan dengan prinsip keadilan Islam dan hak mangsa. Ketiga, pelaksanaan *plea bargain* dalam Mahkamah Syariah Malaysia memerlukan kerjasama yang lebih erat antara pihak berkuasa agama dan kehakiman untuk memastikan proses ini dijalankan dengan adil dan mengutamakan keadilan restoratif, tanpa memihak kepada tertuduh atau pendakwa sahaja.

Sorotan Literatur

Plea Bargain

Plea bargain atau rundingan pengakuan dalam undang-undang Malaysia diperuntukkan di bawah Bab XVIII A Kanun Tatacara Jenayah Akta 593, khususnya melalui Seksyen 172A hingga Seksyen 172G. Peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam Akta 593 melalui pindaan pada tahun 2010 untuk mempercepatkan proses pelupusan kes jenayah dan mengurangkan tunggakan kes mahkamah.

Konsep Plea Bargain

Dalam proses *plea bargain*, tertuduh bersetuju untuk mengaku bersalah sebagai balasan kepada suatu konsesi, sama ada berbentuk pengurangan hukuman atau penurunan kadar pertuduhan yang dikenakan oleh pendakwa. Dalam sistem perundangan sivil, *plea bargain* telah digunakan untuk mempercepatkan proses perbicaraan, mengurangkan kesesakan mahkamah, dan memberikan kepastian kepada kedua-dua pihak (pendakwa dan tertuduh). Menurut Stuntz (2013), amalan ini dapat menjimatkan masa dan sumber yang diperlukan untuk perbicaraan penuh. Di banyak negara, termasuk Amerika Syarikat, *plea bargain* menjadi alat yang berkesan untuk menyelesaikan banyak kes jenayah tanpa perlu melibatkan perbicaraan panjang. Walau bagaimanapun, penerapan konsep ini dalam sistem syariah Malaysia memerlukan pertimbangan yang lebih teliti, terutamanya untuk memastikan bahawa ia tidak bercanggah dengan prinsip keadilan syariah yang ketat dan hak mangsa.

Dalam kajian mengenai *plea bargain*, terdapat beberapa unsur penting yang perlu dipertimbangkan, termasuk kebebasan tertuduh untuk menerima atau menolak tawaran, kesetaraan dalam tawar-menawar, dan keadilan kepada mangsa. Zappalà *et al.*, (2010) menegaskan bahawa *plea bargain* harus dijalankan dengan ketelusan dan tidak boleh disalahgunakan. Dalam konteks undang-undang syariah Malaysia, pelaksanaan *plea bargain* perlu memastikan bahawa hak tertuduh tidak dilanggar, dan mangsa juga mendapat keadilan yang sewajarnya. Kajian terdahulu lebih tertumpu pada sistem perundangan sivil dan kurang meneliti aplikasi *plea bargain* dalam sistem syariah. Oleh itu, terdapat jurang yang perlu diisi dalam kajian ini untuk memahami bagaimana *plea bargain* boleh diterima dan dilaksanakan dalam Mahkamah Syariah Malaysia, sambil memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip syariah yang lebih luas.

Pengakuan Salah Menurut Perundangan Islam

Dalam perundangan Islam, pengakuan salah atau *iqrar* adalah salah satu bentuk bukti yang sah dalam menjatuhkan hukuman. Iqrar merujuk kepada pengakuan tertuduh terhadap kesalahan yang dilakukan, dan ia dianggap sebagai satu bukti yang sah selagi ia dilakukan secara sukarela, tanpa paksaan, dan dengan kesedaran penuh. Konsep ini tercatat dalam banyak kitab fiqh, di mana pengakuan salah digunakan untuk memudahkan proses perbicaraan, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan *ta'zir* (kesalahan yang tidak ditetapkan hukuman khusus oleh al-Quran atau al-Sunnah). Dalam sistem jenayah syariah, pengakuan salah dianggap sebagai bukti yang kuat untuk menjatuhkan hukuman, tetapi ia mesti disertakan dengan syarat-syarat tertentu, seperti kesungguhan dan tiada paksaan (Al-Qarafi, 2004). Pengakuan yang tidak dilakukan dengan sukarela atau atas tekanan pihak lain akan dianggap tidak sah dan tidak boleh dijadikan asas untuk menjatuhkan hukuman.

Pengakuan salah dalam Islam berfungsi bukan sahaja untuk mempercepatkan proses perbicaraan, tetapi juga untuk memberi peluang kepada tertuduh untuk menebus kesalahan mereka dan bertaubat. Dalam hal ini, prinsip keadilan Islam mengutamakan pemulihan, dan taubat menjadi elemen penting yang perlu diambil kira apabila pengakuan dibuat. Menurut Nael (2017), *plea bargain* boleh dipertimbangkan dalam konteks *ta'zir*, di mana hakim mempunyai kebebasan untuk menilai hukuman, dengan memberi peluang kepada tertuduh untuk bertaubat dan mengakui kesalahan mereka. Namun, dalam pelaksanaan *plea bargain* dalam sistem syariah, pengakuan salah mesti dilakukan secara sukarela dan tidak boleh dipaksakan oleh pihak berkuasa. Oleh itu, terdapat kekurangan kajian mengenai bagaimana *plea bargain* dan pengakuan salah boleh dijalankan bersama dalam sistem perundangan syariah Malaysia, terutama berkaitan dengan mekanisme pengawasan yang perlu ada untuk memastikan keadilan dipelihara dalam setiap kes.

Kerangka Keadilan Jenayah Syariah

Sistem keadilan jenayah syariah di Malaysia berasaskan prinsip-prinsip Islam yang terkandung dalam al-Quran, al-Sunnah, dan kaedah fiqh yang diterima oleh masyarakat Islam di negara ini. Dalam konteks undang-undang jenayah syariah, keadilan bukan sahaja melibatkan penghakiman yang adil, tetapi juga menjaga hak individu, memelihara moral dan etika masyarakat, serta memastikan kestabilan sosial. Mahkamah Syariah di Malaysia berperanan untuk mengadili kes-kes yang melibatkan jenayah syariah, seperti kesalahan moral, perkahwinan, dan harta yang tertakluk kepada hukum Islam. Menurut Supriadi (2024), sistem keadilan ini mengutamakan nilai-nilai keadilan restoratif, yang menekankan pemulihan hubungan antara tertuduh, mangsa, dan masyarakat, bukan semata-mata untuk menghukum. Keadaan ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip keadilan syariah menuntut satu pendekatan yang holistik, di mana hukuman dikenakan dengan tujuan untuk mendidik, membimbing, dan memberi peluang untuk pembaikan.

Namun, terdapat cabaran dalam mengimbangi pelaksanaan keadilan jenayah syariah dengan keperluan efisiensi sistem perundangan moden. Sistem kehakiman syariah di Malaysia, yang mempunyai kuasa mengadili kes-kes jenayah yang berkaitan dengan perundangan Islam, sering kali berhadapan dengan isu kesesakan mahkamah akibat peningkatan jumlah kes yang perlu diselesaikan. Sebagai contoh, kajian oleh Wan Razali *et al.*, (2024). menunjukkan bahawa kes-kes di Mahkamah Syariah semakin meningkat dan menyebabkan proses perbicaraan menjadi lambat dan membebankan sistem perundangan. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan beban mahkamah, *plea bargain* sebagai salah satu mekanisme penyelesaian kes secara cepat mungkin boleh diterapkan, namun ia harus disesuaikan dengan prinsip-prinsip syariah yang mengutamakan keadilan. Oleh itu, kajian ini menyoroti pentingnya memahami cara yang sesuai untuk melaksanakan *plea bargain* dalam sistem keadilan jenayah syariah Malaysia tanpa melanggar prinsip keadilan Islam yang lebih besar.

Metodologi

Kajian ini memfokuskan kepada kes-kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Malaysia sebagai subjek kajian utama. Penyelidikan ini memberikan tumpuan khusus terhadap pelaksanaan tawar-menawar pengakuan (*plea bargain*) dalam menyelesaikan kes-kes jenayah syariah terpilih secara lebih efisien. Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis tahap penerimaan *plea bargain* dalam sistem kehakiman syariah serta impaknya terhadap proses perbicaraan, selain memelihara hak-hak tertuduh dan

mangsa. Selain meninjau aspek perundangan, kajian ini turut menilai dimensi sosial dan moral bagi memastikan prinsip keadilan yang telus tetap terjaga. Bagi mencapai tujuan tersebut, metodologi kajian kes diaplikasikan dengan merujuk kepada rekod mahkamah dan penghakiman relevan yang berkaitan dengan amalan *plea bargain* di Malaysia.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, dengan tumpuan kepada kajian kes dan analisis literatur berkaitan *plea bargain* dalam sistem perundangan syariah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan peneliti menggali lebih mendalam tentang penerapan *plea bargain* dalam sistem kehakiman syariah Malaysia. Reka bentuk kajian ini melibatkan analisis terhadap rekod kes, keputusan mahkamah, dan laporan undang-undang yang relevan untuk memahami bagaimana *plea bargain* boleh diterapkan dalam kes jenayah syariah. Kajian kes ini akan memberi pandangan yang jelas mengenai amalan semasa dan potensi penggunaan *plea bargain* di masa depan dalam sistem syariah Malaysia.

Data untuk kajian ini diperoleh melalui kajian kepustakaan, dengan menganalisis bahan-bahan berkaitan seperti laporan kes mahkamah syariah, jurnal akademik, artikel perundangan, dan dokumen-dokumen rasmi yang berkaitan dengan pelaksanaan *plea bargain* dalam undang-undang syariah. Kajian ini juga menggunakan data sekunder yang terkumpul melalui kajian terdahulu mengenai penerapan *plea bargain* dalam sistem perundangan Islam di negara-negara lain, seperti Arab Saudi dan Iran, yang mungkin mempunyai kesamaan dengan sistem di Malaysia. Selain itu, kajian ini merujuk kepada teks-teks fiqh dan perundangan syariah yang relevan bagi mengkaji prinsip-prinsip keadilan yang perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan *plea bargain* dalam sistem syariah.

Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui kajian literatur yang mendalam, dengan memberi tumpuan kepada sumber-sumber sekunder seperti laporan kes, artikel akademik, dan buku-buku yang membincangkan penerapan *plea bargain* dalam sistem kehakiman syariah. Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis terhadap dokumen-dokumen perundangan yang menggariskan prosedur dan peraturan berkaitan dengan pelaksanaan *plea bargain* dalam Mahkamah Syariah Malaysia. Proses pengumpulan data ini dilaksanakan dalam beberapa fasa, bermula dengan pencarian literatur mengenai *plea bargain* dalam sistem perundangan Islam, diikuti dengan analisis kes-kes di Mahkamah Syariah Malaysia yang relevan dengan topik kajian.

Analisis data dilakukan melalui pendekatan analisis tematik, di mana data yang diperoleh daripada kajian kes dan literatur dianalisis untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan dengan *plea bargain* dalam sistem perundangan syariah Malaysia. Mengikut Miles dan Huberman (2008), proses analisis melibatkan tiga tahap: reduksi data, paparan data, dan verifikasi data. Reduksi data dilakukan dengan menapis maklumat yang relevan dengan kajian ini, diikuti dengan paparan data yang menerangkan situasi semasa dalam penerapan *plea bargain* di Mahkamah Syariah Malaysia. Pengesahan data dilakukan dengan membandingkan temuan kajian ini dengan kajian terdahulu dan peraturan undang-undang yang relevan, untuk memastikan kesahihan dan ketepatan analisis yang dibuat. Proses ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai potensi dan cabaran dalam pelaksanaan *plea bargain* dalam konteks syariah di Malaysia.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Prinsip Plea Bargain dalam Undang-undang Sivil

Plea bargain ialah satu bentuk penyelesaian awal bagi kes jenayah yang membolehkan tertuduh mengaku salah untuk mendapatkan hukuman yang lebih ringan atau pertuduhan dikurangkan. Menurut Stuntz (2013) dan Berman (2017), sistem ini diinstitusikan di Amerika Syarikat dan kini menjadi mekanisme utama penyelesaian lebih 90% kes jenayah tanpa perbicaraan penuh. Terdapat beberapa prinsip utama dalam melaksanakan *plea bargain* dalam perundangan sivil. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

Kesukarelaan (Voluntariness)

Plea bargain mestilah dibuat secara sukarela tanpa sebarang paksaan daripada mana-mana pihak (Kisekka, 2020). Hal ini penting kerana sebarang pengakuan yang dibuat dalam keadaan terpaksa atau dipengaruhi secara tidak sah akan menjejaskan keabsahan pengakuan tersebut, serta mencemari keadilan proses kehakiman (Dripps, 2015).

Dalam kes Pendakwa lawan Azizul Aisha, Mahkamah memutuskan sama ada untuk menggunakan *plea bargain* atau tidak bagi sesuatu kes bergantung kepada budi bicara pihak pendakwaan (Manab *et al.*, 2018). Mahkamah hanya perlu memastikan bahawa terma dalam *plea bargain* tersebut telah dipersetujui secara sukarela oleh kedua-dua pihak. Setelah mahkamah menjatuhkan hukuman berdasarkan terma *plea bargain* tersebut, pihak-pihak tidak boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kecuali atas alasan teknikal. Mahkamah perlu memastikan tiada tekanan, ugutan, atau penipuan yang berlaku sebelum menerima pengakuan. Oleh itu, prinsip kesukarelaan menjadi asas dalam *plea bargain* untuk menjamin kebebasan tertuduh membuat keputusan yang sah dan adil menurut undang-undang (Johnson, 2021).

Pengetahuan dan Kefahaman (Knowledge and Understanding)

Tertuduh hendaklah memahami sepenuhnya implikasi *plea bargain* sebelum membuat keputusan (Wilford *et al.*, 2021). Jika tertuduh tidak diberi maklumat yang mencukupi tentang haknya atau akibat *plea bargain*, maka pengakuan tersebut boleh dianggap cacat dari sudut undang-undang dan mungkin dibatalkan (Hessick, 2021).

Menurut Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) seksyen 257, mahkamah hendaklah memberitahu kepada tertuduh yang tidak dibela yang dia berhak sendiri untuk memberi keterangan bagi membela dirinya, dan jika dia memilih memberikan keterangan untuk membela dirinya hendaklah dia diberi peringatan berkenaan perkara-perkara utama keterangan pendakwa terhadapnya supaya dia berpeluang menerangkannya. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menimbulkan persoalan keabsahan proses *plea bargain*. Kesedaran dan kefahaman tertuduh terhadap hak dan risiko adalah penting bagi memastikan *plea bargain* berlaku secara sah dan tanpa sebarang bentuk manipulasi (Redlich *et al.*, 2022).

Bersifat Adil dan Tidak Menindas (Fairness and Non-Coercion)

Plea bargain perlu dijalankan secara adil tanpa menindas hak mana-mana pihak, khususnya tertuduh (Miller, 2020). Keengganan sistem untuk melindungi tertuduh daripada tekanan atau eksploitasi boleh menjejaskan prinsip keadilan yang menjadi tunjang sistem perundangan (Butt, 2024). Mahkamah menegaskan bahawa mahkamah wajib meneliti sama ada pengakuan bersalah dibuat tanpa ancaman atau paksaan daripada pihak pendakwaan. Pengakuan yang diperoleh melalui tekanan tidak boleh diterima (Rakoff, 2021). *Plea bargain* hanya boleh diterima jika ia menjunjung keadilan dan menjamin kebajikan semua pihak secara saksama.

Semakan dan Kelulusan Mahkamah (Judicial Oversight)

Semua permohonan tawar-menawar pengakuan (*plea bargain*) perlu mendapat kelulusan mahkamah terlebih dahulu sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 172C Akta 593. Tertuduh boleh memulakan proses ini dengan mengemukakan permohonan melalui Borang 28A sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua akta tersebut. Dalam hal ini, mahkamah berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) bagi memastikan keadilan terpelihara dan mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa sepanjang proses rundingan antara pendakwa raya dan tertuduh (Manab *et al.*, 2018).

Sekiranya penyelesaian yang memuaskan hati mencapai persetujuan antara tertuduh dan Pendakwa Raya, Mahkamah hendaklah melupuskan kes tersebut mengikut lunas undang-undang. Dalam hal ini, Mahkamah menggalas peranan krusial sebagai penjaga keadilan (*custodian of justice*) bagi memastikan kesahan serta kelayakan perjanjian tawar-menawar pengakuan (*plea bargain*) yang dicapai, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 172D(1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

Kepentingan Awam dan Kecekapan Sistem Kehakiman (Public Interest and Judicial Efficiency)

Plea bargain dilihat sebagai alat untuk melancarkan proses kehakiman dan mengurangkan kes tertunggak. Sistem kehakiman sering berdepan dengan jumlah kes yang tinggi. Maka, penggunaan *plea bargain* membolehkan sumber mahkamah difokuskan kepada kes-kes yang lebih serius, tanpa menjejaskan keadilan kepada tertuduh (Heumann, 2020). Menurut Ashworth (2010), *plea bargain* memainkan peranan penting dalam sistem kehakiman moden kerana ia menjimatkan masa dan kos, serta memberi ruang kepada penyelesaian kes secara pantas tanpa perbicaraan penuh. Penggunaan *plea bargain* secara terkawal dapat meningkatkan kecekapan sistem kehakiman tanpa mengabaikan prinsip keadilan substantif.

Ketelusan (Transparency)

Semua proses perundingan dan hasil tawar-menawar pengakuan (*plea bargain*) wajib direkodkan secara rasmi dan telus sebagaimana yang digariskan di bawah Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Ketelusan ini amat krusial bagi menjamin kepercayaan awam terhadap sistem kehakiman serta mencegah risiko kewujudan rundingan sulit yang bersifat menindas (Ryan, 2022). Amalan di beberapa buah negara turut mewajibkan setiap kes *plea bargain* didokumentasikan dan dibentangkan di mahkamah secara terbuka untuk semakan pihak-pihak yang terlibat (Bhatta, 2020). Prosedur ini merangkumi rekod pengakuan tertuduh serta pernyataan persetujuan bersama pihak pendakwa raya. Secara tuntasnya, ketelusan dalam proses ini bukan sahaja menjamin keabsahan prosedur, malah berperanan dalam menegakkan prinsip keadilan dan integriti kehakiman (Soge, 2022).

Prinsip Plea bargain dalam Perundangan Islam

Prinsip utama dalam perundangan Islam yang diyakini dapat menyokong dan memberi asas kepada pelaksanaan mekanisme *plea bargain* secara sah dan beretika dalam konteks jenayah Syariah. Prinsip-prinsip tersebut ialah keadilan (*al-'adl*), taubat (*al-tawbah*) dan *maslahah* (kepentingan umum). Pemilihan prinsip ini adalah sejajar dengan pendekatan Maqasid Syariah, yang menekankan pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

Prinsip Keadilan (al-'Adl)

Prinsip keadilan merupakan asas utama dalam undang-undang Islam dan menjadi syarat penting dalam pelaksanaan *plea bargain* dalam konteks jenayah Syariah (Alotaibi, 2021). Keadilan diperlukan untuk memastikan bahawa hak semua pihak tertuduh, mangsa, dan masyarakat terpelihara, serta untuk mengelakkan sebarang bentuk ketidakadilan atau penyalahgunaan kuasa dalam proses pengakuan salah (Ho, 2021).

Menurut Al-Mawardi (1996) dalam kitab "*al-Ahkam al-Sultaniyyah*", keadilan adalah asas kepada legitimasi tindakan pemerintah dan badan kehakiman. Dalam konteks *plea bargain*, ia bermaksud sebarang pengakuan salah perlu dilakukan secara sukarela, tanpa paksaan atau manipulasi. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh: "*al-'adl asas al-hukm*" (keadilan adalah asas hukum) (Syed Jaafar Alhabshi, 2025). Di samping itu, Al-Qur'an turut menekankan prinsip ini:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil.

(Surah al-Nahl, 16:90)

Oleh itu, *plea bargain* hanya sah dan boleh dilaksanakan dalam sistem perundangan Syariah sekiranya ia menepati prinsip keadilan, iaitu memberi ruang kepada tertuduh membuat keputusan secara bebas, dengan kesedaran penuh terhadap akibat hukumannya, dan tanpa mengabaikan hak-hak pihak lain.

Prinsip Taubat (al-Tawbah) dan Iqar

Prinsip taubat dan iqar (pengakuan salah) adalah penting dalam menjadikan *plea bargain* sebagai mekanisme yang tidak bercanggah dengan semangat pemulihan dalam Islam (Ami *et al.*, 2024). Dalam Islam, pengakuan kesalahan bukan sekadar prosedur undang-undang, tetapi satu manifestasi spiritual terhadap keinsafan dan keinginan untuk berubah (Rahman, 2021). Tanpa niat yang ikhlas dan bebas daripada paksaan, proses ini akan kehilangan nilai Syariahnya.

Al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menyatakan bahawa taubat adalah proses rohani yang datang daripada kesedaran batin (Al-Ghazali, 2000). Dalam konteks ini, pengakuan salah dalam *plea bargain* adalah selari dengan konsep *iqar* dalam hukum Islam, yang hanya sah jika dilakukan dengan rela hati. Al-Qarafi dalam *al-Furuq* turut menegaskan bahawa *iqar* boleh ditarik balik jika terbukti dibuat di bawah tekanan. Ini menunjukkan pentingnya kebebasan dan ketelusan dalam membuat pengakuan (Al-Qarafi, 2004). Maka, pelaksanaan *plea bargain* yang benar-benar mencerminkan kesedaran moral dan taubat daripada tertuduh adalah selaras dengan prinsip Islam, dan hanya pengakuan yang sah dari segi syarak boleh dijadikan asas hukuman.

Prinsip Masalahah (Kepentingan Umum)

Maslahah atau kepentingan umum menjadi asas kepada pertimbangan pelaksanaan *plea bargain* dalam sistem kehakiman Islam. Setiap tindakan dalam undang-undang Islam harus membawa manfaat dan mengelakkan kemudaratkan kepada masyarakat, selari dengan objektif Maqasid Syariah. Al-Qaradawi (1998) dalam *Fiqh al-Maqasid* menyatakan bahawa setiap perundangan harus berorientasikan manfaat kepada masyarakat. Dalam konteks ini, *plea bargain* boleh membantu mempercepat proses keadilan, mengurangkan kes tertunggak, dan menjimatkan sumber mahkamah. Namun, *maslahah* bukanlah lesen untuk mengorbankan keadilan (Farrar, 2024). Kaedah fiqh menyebut: Tindakan pemerintah terhadap rakyat bergantung pada *maslahah* (Abd Razak, 2020). Ini menunjukkan bahawa apa sahaja inovasi perundangan termasuk *plea bargain* perlu ditimbang dengan neraca kepentingan masyarakat. Oleh itu, pelaksanaan *plea bargain* boleh diterima jika ia benar-benar memberi manfaat kepada sistem keadilan dan masyarakat, tanpa mengabaikan prinsip keadilan dan hak mangsa.

Maqasid dan Keadilan Restoratif

Mekanisme *plea bargain* harus selari dengan objektif utama Syariah, iaitu Maqasid Syariah, yang menitikberatkan keadilan restoratif dan perlindungan lima perkara asas. Islam tidak hanya menekankan hukuman, tetapi juga pemulihan, perlindungan hak dan penyelesaian konflik secara damai demi kesejahteraan bersama (Chaudhary *et al.*, 2024).

Plea bargain yang dilaksanakan dengan niat mempercepat penyelesaian kes, memberikan keinsafan kepada tertuduh, dan mengelakkan trauma kepada mangsa serta masyarakat selari dengan objektif Syariah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Chaudhary *et al.*, 2024). Prinsip keadilan restoratif juga diangkat oleh Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dalam *I'lam al-Muwaqqi'in*, yang menyatakan bahawa hukum tidak harus kaku tetapi perlu mempertimbangkan *maqasid* dan *maslahat* (Muslim, 2020). Maka, sekiranya pelaksanaan *plea bargain* membantu memenuhi *maqasid* serta memelihara hak semua pihak secara adil, ia boleh dianggap sebagai satu pendekatan yang selari dengan keadilan Islam yang bersifat rahmah dan inklusif.

Kerelevanan *Plea bargain* dalam Undang-undang Jenayah Syariah

Kes-kes Jenayah Syariah di Malaysia

Semua kesalahan syariah di Malaysia tergolong dalam kategori *ta'zir*, yang memberi ruang luas kepada budi bicara hakim untuk menentukan bentuk hukuman yang sesuai berdasarkan prinsip Syariah. Perkara ini penting kerana ia menunjukkan bahawa terdapat fleksibiliti dalam sistem kehakiman Syariah yang boleh dimanfaatkan untuk pelaksanaan *plea bargain*, tanpa menyalahi prinsip asas undang-undang Islam (Fawwas, 2025).

Menurut Laporan Tahunan JKSM 2022, kes jenayah yang paling banyak direkodkan termasuklah khalwat, zina tanpa saksi, pengabaian nafkah, dan pemabukan semuanya adalah kesalahan *ta'zir* yang tidak ditentukan hukumannya secara *qat'i* (JKSM, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman dalam kes-kes ini tertakluk kepada pertimbangan hakim, maka *plea bargain* boleh dijadikan satu alternatif yang sah. Justeru, sifat *ta'zir* yang tidak tetap dari sudut bentuk dan kadar hukuman menjadikan ia sesuai untuk diintegrasikan dengan mekanisme *plea bargain* yang bersifat fleksibel, tertakluk kepada prinsip keadilan dan maslahah.

Kesesakan Mahkamah Syariah

Kesesakan kes di Mahkamah Syariah mendorong kepada keperluan reformasi prosedur bagi mempercepatkan penyelesaian kes jenayah, antaranya melalui pelaksanaan *plea bargain* (Saifullah *et al.*, 2021). Sistem kehakiman yang lambat bukan sahaja menjejaskan imej mahkamah Syariah, tetapi juga menafikan hak tertuduh untuk perbicaraan segera dan adil sebagaimana dituntut oleh Syariah (Gondal *et al.*, 2023).

Laporan JKSM tahun 2022 merekodkan lebih 54,000 kes jenayah syariah baharu, dengan kadar penyelesaian di bawah 70% di beberapa negeri (JKSM, 2023). Ini menunjukkan wujudnya tekanan terhadap sumber manusia dan masa, dan menyebabkan penangguhan kes secara berlarutan. Oleh itu, pelaksanaan *plea bargain* sebagai mekanisme penyelesaian awal dapat mengurangkan kes tertunggak

secara signifikan dan membolehkan mahkamah menumpukan kepada kes-kes yang memerlukan perbicaraan penuh, sekaligus meningkatkan kecekapan sistem kehakiman Syariah.

Model Perundangan Komparatif

Pengamalan *plea bargain* dalam sistem perundangan Syariah negara lain membuktikan bahawa mekanisme ini boleh disesuaikan dengan prinsip Islam, terutamanya dalam kes *ta'zir* (Farrar, S. 2024). Perbandingan dengan negara lain penting sebagai rujukan amalan terbaik, dan memberi keyakinan bahawa mekanisme ini boleh diadaptasi dengan berhati-hati dalam konteks Malaysia.

Di Pakistan, National Accountability Ordinance (NAO) membenarkan *plea bargain* dalam kes melibatkan rasuah, dengan kelulusan Mahkamah Syariah (Lughmani *et al.*, 2023). Begitu juga di Nigeria, Mahkamah Syariah memperuntukkan penyelesaian kes *ta'zir* melalui pengakuan bersalah awal dan pengurangan hukuman, dengan mematuhi prinsip keadilan Islam (Alotaibi *et al.*, 2021).

Di Arab Saudi, walaupun tidak disebut sebagai *plea bargain* secara formal, sistem keadilan Saudi menggabungkan konsep fikah seperti *al-ṣulḥ* (pendamaian) dan *al-ta'wīd* (ganti rugi) yang boleh mencapai matlamat yang serupa, terutamanya dalam kes-kes hak peribadi (*ḥuqūq al-'ibād*) yang boleh dikompromi. Seorang tertuduh boleh bersetuju untuk membayar ganti rugi atau mencapai penyelesaian dengan pihak yang teraniaya, yang kemudiannya boleh mempengaruhi pertimbangan hukuman oleh hakim (Vogel, 2000).

Di Aceh Indonesia, pelaksanaan Hukum Qanun (undang-undang khusus), majlis hakim dalam kes-kes jenayah Syariah sering mempertimbangkan pengakuan bersalah, penyesalan, dan kesanggupan tertuduh untuk mematuhi hukum sebagai faktor peringan. Ini adalah satu bentuk budi bicara (*ta'zir*) yang selari dengan semangat *plea bargain* (Salim, 2015; Ichwan, 2016).

Di Sudan, Kod Jenayah Sudan 1991, yang berteraskan Islam, memberikan ruang untuk pertimbangan keadaan peribadi tertuduh. Walaupun tidak mempunyai peruntukan *plea bargain* yang ketat seperti sistem *common law*, pengakuan bersalah merupakan elemen penting dalam proses perbicaraan dan boleh membawa kepada pengurangan hukuman di bawah kategori *ta'zir*, terutamanya jika disertai dengan bukti taubat (Layish & Warburg, 2002).

Di Brunei, walaupun konsep *plea bargain* belum diatur secara khusus dalam Undang-Undang Pidana Brunei, di mana sistem perundangannya lebih konservatif dan bercorak British, namun pendekatan yang serupa mungkin digunakan oleh mahkamah melalui perjanjian semasa proses perbicaraan, terutamanya yang berkaitan dengan pengakuan bersalah dan pengurangan hukuman (Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah (PKHJS), 2013).

Di Singapura, *plea bargain* diatur secara jelas dalam *Criminal Procedure Code* (CPC) dan konsep ini umum digunakan. Sistem ini memungkinkan tertuduh yang mengaku bersalah untuk memperoleh pengurangan hukuman atau dakwaan yang lebih ringan.

Ini menunjukkan bahawa negara yang mengamalkan hukum Syariah juga menerima pelaksanaan *plea bargain* secara terkawal. Dengan merujuk kepada model luar yang berjaya, Mahkamah Syariah Malaysia berpotensi untuk melaksanakan *plea bargain* secara berperingkat dalam kes-kes *ta'zir*, asalkan ia dikawal ketat agar selaras dengan prinsip Syariah tempatan.

Ini menunjukkan bahawa negara yang mengamalkan hukum Syariah juga menerima pelaksanaan *plea bargain* secara terkawal. Dengan merujuk kepada model luar yang berjaya, Mahkamah Syariah Malaysia berpotensi untuk melaksanakan *plea bargain* secara berperingkat dalam kes-kes *ta'zir*, asalkan ia dikawal ketat agar selaras dengan prinsip Syariah tempatan.

Cabaran Pelaksanaan Plea bargain

Pelaksanaan *plea bargain* di Mahkamah Syariah Malaysia menghadapi beberapa cabaran utama yang perlu diatasi untuk memastikan keberkesannya. Pertama, kesesuaian dengan prinsip syariah adalah salah satu cabaran terbesar. Dalam sistem perundangan syariah, setiap keputusan hukuman mesti diselaraskan dengan prinsip-prinsip Islam yang ketat, yang mengutamakan keadilan dan ketegasan dalam pelaksanaan hukuman. Pengurangan hukuman atau tawaran penyelesaian yang lebih ringan melalui *plea*

bargain mungkin bertentangan dengan prinsip syariah dalam kes-kes tertentu, terutama yang melibatkan kesalahan moral atau jenayah yang serius. Oleh itu, pelaksanaan *plea bargain* perlu dilakukan dengan penuh perhatian agar tidak mengabaikan aspek keadilan yang lebih luas dalam perundangan Islam.

Cabaran kedua adalah melindungi hak mangsa dalam proses *plea bargain*. Dalam sistem syariah, hak mangsa adalah perkara yang amat penting, dan proses *plea bargain* yang tidak melibatkan mereka secara aktif boleh mengabaikan hak-hak ini. Misalnya, dalam kes-kes jenayah yang melibatkan individu atau hak peribadi mangsa, seperti kes zina atau fitnah, mangsa mungkin tidak diberi peluang untuk memberi pendapat mereka atau memperoleh pampasan yang sewajarnya. Oleh itu, *plea bargain* perlu memastikan bahawa mangsa diberi peluang untuk diwakili dan bahawa hak mereka dihormati dalam setiap penyelesaian yang dicapai antara pihak tertuduh dan pendakwa.

Kurangnya pemahaman dan latihan di kalangan pegawai kehakiman syariah juga merupakan cabaran yang signifikan dalam pelaksanaan *plea bargain*. Konsep *plea bargain* lebih dikenali dalam sistem perundangan sivil, dan oleh itu, terdapat kemungkinan kekurangan pemahaman dan penerimaan terhadap amalan ini dalam kalangan hakim dan peguam syariah. Tanpa latihan dan pemahaman yang mencukupi, hakim mungkin sukar untuk melaksanakan *plea bargain* dengan cara yang adil dan selaras dengan prinsip syariah. Latihan yang mencukupi mengenai konsep ini perlu diberikan kepada semua pihak yang terlibat untuk memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan adil.

Akhirnya, ketelusan dan pengawasan proses adalah cabaran penting dalam pelaksanaan *plea bargain*. Tanpa pengawasan yang jelas, proses ini boleh disalahgunakan, menyebabkan ketidakseimbangan dalam keadilan bagi tertuduh atau mangsa. Dalam sistem syariah, ketelusan adalah elemen penting untuk memastikan keadilan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, pengawasan yang ketat dan peraturan yang jelas perlu diterapkan dalam pelaksanaan *plea bargain* agar tidak timbul ketidaksamarataan dalam keputusan yang diambil dan agar prinsip-prinsip syariah sentiasa dipatuhi.

Jadual 1. Ringkasan Cabaran Utama Pelaksanaan *Plea Bargain*

Cabaran Utama	Deskripsi Cabaran
Kesesuaian dengan Prinsip Syariah	Pengurangan hukuman melalui <i>plea bargain</i> mungkin bertentangan dengan prinsip syariah dalam kes-kes jenayah tertentu, terutama yang melibatkan kesalahan moral. Antara elemen yang selaras dengan prinsip keadilan jenayah Islam iaitu, konsep <i>raf' al-haraj</i> (mengelakkan kesukaran) dan <i>daf' al-mafsadah</i> (mengelakkan mudarat). Jika <i>plea bargain</i> digunakan untuk kes takzir bagi mengurangkan kesesakan, mempercepat keadilan dan mengelakkan beban kepada pihak yang terlibat, ia boleh dilihat selaras. Demikian juga antara elemen yang bertentangan dengan prinsip keadilan jenayah Islam ialah kerelaan (<i>ridā'</i>). Jika <i>plea bargain</i> menyebabkan tertuduh mengaku bersalah kerana takut hukuman lebih berat walaupun mereka tidak bersalah, ia bertentangan dengan prinsip la <i>ikrāh</i> dan larangan memaksa pengakuan. Selain itu, Syariah menolak <i>tamyiz</i> (pilih kasih). <i>Plea bargain</i> boleh mencipta jurang antara tertuduh yang tahu cara berunding dan mereka yang kurang faham, sekali gus mewujudkan ketidakadilan.
Melindungi Hak Mangsa	Hak mangsa mungkin terabai jika mereka tidak dilibatkan dalam proses, terutamanya dalam kes-kes jenayah peribadi dan moral.
Kurangnya Pemahaman dan Latihan di Kalangan Pegawai Kehakiman Syariah	Pelepasan hak atau keadilan yang adil dalam pelaksanaan <i>plea bargain</i> mungkin sukar dicapai tanpa pemahaman dan latihan yang mencukupi di kalangan hakim dan peguam syariah.
Ketelusan dan Pengawasan Proses	Proses <i>plea bargain</i> memerlukan pengawasan yang ketat dan ketelusan untuk memastikan tiada penyalahgunaan atau ketidakadilan yang berlaku.

Cadangan Model Pelaksanaan *Plea bargain*

Pelaksanaan di Mahkamah Syariah Malaysia memerlukan satu model yang dapat memastikan keadilan syariah dipelihara, prinsip moral ditegakkan, dan proses perbicaraan dijalankan dengan efisien. Berikut adalah cadangan model pelaksanaan *plea bargain* di Mahkamah Syariah Malaysia, dimulakan dengan langkah pertama yang penting untuk memastikan keadilan kepada semua pihak yang terlibat:

Penetapan Kriteria Kes yang Layak untuk Plea bargain

Langkah pertama adalah untuk menetapkan kriteria yang jelas mengenai kes-kes yang layak diproses melalui *plea bargain*. Kriteria ini perlu jelas dan terperinci untuk memastikan bahawa hanya kes-kes yang sesuai yang dibawa ke meja rundingan *plea bargain*. Penetapan kriteria ini adalah penting untuk menjaga keadilan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses ini, memastikan bahawa hanya kes yang sesuai, dan tidak melibatkan keadilan yang terjejas, diproses melalui mekanisme ini. Secara prinsipnya, hanya kesalahan yang berada dalam ruang *ta'zir* wajar dipertimbangkan. Ini kerana kes *ta'zir* memberikan autoriti lebih luas kepada mahkamah dan pihak pendakwa dalam menentukan bentuk hukuman, berbanding hudud dan qisas yang mempunyai kadar hukuman tetap serta melibatkan hak Allah atau hak individu tertentu seperti kesalahan *ta'zir* yang tidak melibatkan unsur moral berat. Contohnya, kegagalan mematuhi arahan atau perintah mahkamah, kesalahan pendaftaran perkahwinan atau perceraian dan pelanggaran prosedur yang tidak membawa kepada kerosakan besar. Kesalahan seperti ini tidak mengandungi nilai simbolik agama yang tinggi, dan pengurangan hukuman melalui *plea bargain* tidak mengganggu prinsip pencegahan. Demikian juga, kesalahan yang boleh diselesaikan melalui pemulihan. Contohnya kes *ta'zir* yang mempunyai unsur *islah* (pemulihan) atau ruang pemulihan lebih besar juga sesuai. Seperti kerosakan harta yang bersifat ringan, pertikaian kecil dalam keluarga yang mengandungi unsur salah laku yang boleh diperbaiki, pelanggaran syarat nafkah atau perintah mahkamah yang boleh dipulihkan. Dalam konteks Syariah, keutamaan terhadap penyelesaian dan pemulihan selari dengan matlamat *jalb al-maslahah* dan *sulh*.

Penubuhan Mitigasi Khas oleh Jabatan Pendakwaan Syariah

Setelah kriteria kes ditetapkan, langkah kedua melibatkan penubuhan Mitigasi Khas, yang akan dikendalikan oleh Jabatan Pendakwaan Syariah. Mitigasi Khas ini akan bertanggungjawab untuk memulakan proses *plea bargain*, termasuk memilih kes-kes yang layak untuk tawar-menawar, serta mengatur rundingan antara pendakwa dan tertuduh. Jabatan Pendakwaan Syariah akan bertindak sebagai pengantara dalam rundingan ini, memastikan tawaran yang dibuat adalah adil dan selaras dengan prinsip syariah. Mereka juga akan memastikan bahawa mangsa diberikan hak untuk diwakili dalam proses ini dan diberi ruang untuk menyatakan pendapat mereka dalam proses tawar-menawar.

Rundingan dan Persetujuan Awal

Setelah kes-kes yang sesuai dipilih, proses rundingan akan dijalankan antara pendakwa dan tertuduh dengan melibatkan Mitigasi Khas. Rundingan ini akan melibatkan tawaran hukuman yang lebih ringan atau pertukaran pertuduhan kepada yang lebih ringan, berdasarkan pengakuan bersalah oleh tertuduh. Tawaran tersebut akan dipertimbangkan oleh tertuduh dan pendakwa berdasarkan prinsip syariah, serta keadilan kepada mangsa. Setelah persetujuan awal dicapai antara kedua-dua pihak, langkah seterusnya adalah untuk mendapatkan pengesahan daripada hakim.

Pengesahan oleh Hakim di Mahkamah Syariah

Apabila persetujuan dicapai melalui *plea bargain*, langkah seterusnya adalah untuk memohon pengesahan dari hakim di Mahkamah Syariah. Hakim akan menilai sama ada tawaran tersebut selaras dengan prinsip-prinsip syariah, serta memastikan bahawa keadilan untuk tertuduh dan mangsa terpelihara. Hakim juga akan menilai sama ada tawaran yang dibuat adalah wajar dan adil dalam konteks kes tersebut. Ini memberikan lapisan pengawasan dan ketelusan untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah sah dan tidak melanggar prinsip syariah.

Pengawasan dan Ketelusan Proses

Langkah terakhir dalam model ini adalah memastikan ketelusan dan pengawasan yang ketat dalam proses *plea bargain*. Proses ini harus dikendalikan dengan penuh ketelusan untuk mengelakkan sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Pengawasan yang berterusan oleh pihak berkuasa agama dan kehakiman adalah penting untuk memastikan bahawa *plea bargain* dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan dan prinsip syariah tidak terjejas. Selain itu, panel pengawasan yang terdiri daripada hakim, peguam syariah, dan pakar dalam undang-undang Islam boleh dilibatkan untuk memastikan proses ini berjalan dengan lancar dan adil.

Dengan penetapan kriteria yang jelas mengenai kes-kes yang layak untuk *plea bargain*, penubuhan Mitigasi Khas yang dikendalikan oleh Jabatan Pendakwaan Syariah, dan pengesahan oleh hakim, model pelaksanaan *plea bargain* ini menawarkan satu cara yang lebih efisien dan berkeadilan dalam menangani kes-kes jenayah syariah di Malaysia. Dengan melibatkan pengawasan yang telus, penyertaan mangsa, serta latihan yang cukup untuk pegawai kehakiman, model ini berpotensi untuk memperbaiki sistem kehakiman syariah tanpa mengorbankan prinsip keadilan syariah.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa *plea bargain* dalam sistem perundangan syariah Malaysia mempunyai potensi untuk mempercepatkan proses perbicaraan dan mengurangkan kesesakan mahkamah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan *plea bargain* perlu dijalankan dengan penuh ketelusan dan memastikan prinsip-prinsip keadilan syariah sentiasa dihormati. Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaannya adalah memastikan hak-hak mangsa dan tertuduh dilindungi, serta memastikan bahawa keputusan yang dibuat tidak bertentangan dengan prinsip keadilan Islam. Dengan mengkaji pelaksanaan *plea bargain* dalam konteks undang-undang jenayah syariah Malaysia, artikel ini mencadangkan bahawa penerapan *plea bargain* boleh diterima dalam kes-kes yang sesuai, tetapi ia harus dilaksanakan dengan berhati-hati untuk mengelakkan penyalahgunaan sistem. Konsep *plea bargain* di mahkamah sivil ini terdapat dalam peruntukan undang-undang di bawah seksyen 172c, namaun *plea bargain* (perundingan akuan) boleh diamalkan di mahkamah syariah dengan penambahan seksyen baharu dalam tatacara jenayah syariah di Malaysia.

Artikel ini mengesyorkan agar *plea bargain* di Mahkamah Syariah Malaysia diterima dalam kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan yang tidak melibatkan hukuman yang terlalu berat, dengan memastikan ia disesuaikan dengan prinsip-prinsip syariah yang ketat. Proses ini memerlukan pengawasan yang ketat dan kerjasama antara pihak berkuasa agama dan kehakiman untuk memastikan keadilan restoratif dapat dicapai, di mana pemulihan dan pembaikan sosial tertuduh turut diutamakan. *Plea bargain* bukan sahaja memberi manfaat kepada sistem perundangan, tetapi juga berpotensi untuk mengurangkan beban mahkamah dan memberikan penyelesaian yang lebih efisien dalam kes-kes jenayah syariah.

Kajian ini mempunyai keterbatasan kerana ia bergantung sepenuhnya kepada analisis literatur dan data sekunder, yang mungkin tidak mencerminkan realiti sepenuhnya dalam pelaksanaan *plea bargain* di Mahkamah Syariah Malaysia. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk menilai kesan *plea bargain* dengan lebih mendalam dan melihat kepada pengalaman praktikal dalam pelaksanaan di Mahkamah Syariah. Selain itu, kajian ini juga membuka ruang untuk mengkaji secara lebih luas penerapan konsep ini dalam sistem kehakiman syariah di negara-negara lain yang mengaplikasikan undang-undang syariah, seperti Arab Saudi, bagi melihat bagaimana ia dapat diadaptasi dan diterapkan dalam konteks Malaysia.

Rujukan

- Abd Razak, A. H. (2020). Multiple Sharia' board directorship: A Maslahah (public interest) perspective. *Journal of Islamic Marketing*, 11(3), 745-764.
- Al-Ghazali. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Wan Razali, W. N. R. H., Mohd Ghazali, N. A., Idris, H. H., & Alias, M. A. A. (2024). Analisis terhadap bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah syarie di Malaysia: Isu dan cadangan penambahbaikan. *Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(2), 12-23.
- Al-Mawardi. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Alotaibi, H. A. (2021). The challenges of execution of Islamic criminal law in developing Muslim Countries: An analysis based on Islamic principles and existing legal system. *Cogent Social*

- Sciences*, 7(1), 1925413.
- Al-Qaradawi, Y. (1998). *Fiqh al-maqasid*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qarafi, S. (2004). *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qarafi. (2004). *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ami, Z., Begum, S., Irfan, N., & Anjum, S. (2024). Imprisonment due to allegations: A comparative and applied study of Islamic jurisprudence and law (with reference to Pakistan). *Research*, 4(7), 3212.
- Ashworth, A. (2010). *Sentencing and criminal justice*. Cambridge University Press.
- Berman, D. A. (2017). *Sentencing law and policy*. Aspen Publishers.
- Bhatta, D. (2020). *Plea bargaining and its application in different jurisdictions: A comparative overview*. *NJA Law Journal*, 14, 153.
- Butt, J. S. (2024). The abuse of diplomatic immunity: Examining cases and implications for international relations—a research. *Acta Universitatis Danubius. Relationes Internationales*, 17(2), 42–79.
- Chaudhary, S. I., Asghar, U., & Afzal, M. (2024). Examining restorative justice: Different approaches in Islamic customary law and international practices. *Pakistan Islamicus (An International Journal of Islamic & Social Sciences)*, 4(2), 41-54.
- Dripps, D. A. (2015). *Guilt, innocence, and due process of plea bargaining*. Wm. & Mary L. Rev., 57, 1343.
- Farrar, S. (2024). Negotiated criminal justice in the Islamic law of modern Muslim states: the rise of the political plea bargain. In *Research Handbook on Plea bargaining and Criminal Justice* (pp. 231-244). Edward Elgar Publishing.
- Fawwas, I. (2025). An analysis of criminal sanctions for adultery under Islamic law and the national legal system: A Study of Legal Pluralism in Indonesia. *SYARIAT: Akhwal Syaksyah, Jinayah, SiyasaH and Muamalah*, 2(1), 1-7.
- Gondal, A. Q., & Hatta, Z. (2023). Unraveling justice: A critical examination of Pakistan’s judicial history and its failures. *Pakistan Social Sciences Review*, 7(4), 698-712.
- Hessick, C. B. (2021). *Punishment without trial: Why plea bargaining is a bad deal*. Abrams.
- Heumann, M. (2020). *Plea bargaining: The experiences of prosecutors, judges, and defense attorneys*. University of Chicago Press.
- Ho, H. L. (2021). Confessions in the criminal process. *The Modern Law Review*, 84(1), 30-60.
- Huemer, M. (2021). Extorted pleas. In *Justice before the law* (pp. 111–142). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-030-67620-5_6
- Husni, A. B. M. (n.d.). *Public disclosure punishment (tasyhir) between the views of Islamic law and civil law*.
- Ibn Qudamah. (n.d.). *Al-Mughni*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Jabatan Kehakiman SyariaH Malaysia. (2023). *Laporan tahunan JKSM 2022*. JKSM.
- Johnson, T. (2021). Lying at plea bargaining. *Georgia State University Law Review*, 38, 673–722.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari‘ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kisekka, N. G. (2020). Plea bargaining as a human rights question. *Cogent Social Sciences*, 6(1), 1818935. <https://doi.org/10.1080/23311886.2020.1818935>
- Layish, A., & Warburg, G. R. (2002). *The reinstatement of Islamic law in Sudan under Numayrī*. Brill.
- Lughmani, M. S. A., Abdullah, M. T., Khan, S. A., & Khan, M. (2023). Accountability at crossroads: Governance challenges and consequences in Pakistan. *Sarhad Journal of Management Sciences*, 9(2), 1–15.
- Manab, S. N. B. A., Nasrul, M. A. B. D., & Jaiman, C. U. S. B. (2018). Plea bargaining process in Malaysia. In A. Abdul Rahim et al. (Eds.), *Public law remedies in government procurement: Perspective from Malaysia* (Vol. 52, pp. 261–266). Future Academy. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2018.12.03.25>
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2008). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). Sage Publications.
- Miller, R. B. (2020). The epistemology of plea bargaining. *Social Epistemology*, 34(5), 501–512.
- Muslim, H. (2020). *Pemikiran Ibnu Qayyim al-Jauziyah (W. 751H/1350M) tentang perubahan fatwa dan relevansinya dengan penerapan hukum Islam di Indonesia*. (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Na’aim, M. S. M., Rajamanickam, R., & Nordin, R. (2022). Intimate partner violence within the framework of Malaysian laws. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(1), 131–154.

- Nael, A. Q. (n.d.). *The criteria for determination of ta'zīrī punishments in Islamic jurisprudence*. Addaiyan Journal of Arts, Humanities and Social Sciences
- Rahman, M. M. (2021). Political and legal system of Islam. *System*, 1(1), 1–10.
- Rakoff, J. J. (2021). *Why the innocent plead guilty and the guilty go free: And other paradoxes of our broken legal system*. Farrar, Straus and Giroux.
- Razak, N. A., & Bahori, A. (2022). Ke arah penyelesaian isu ketidakseragaman undang-undang jenayah Syariah terhadap kesalahan tatasusila. *Sains Insani, Special Issue*, 41–48.
- Redlich, A. D., Domagalski, K., Woestehoff, S. A., Dezmber, A., & Quas, J. A. (2022). Guilty plea hearings in juvenile and criminal court. *Law and Human Behavior*, 46(5), 337–350.
- Ryan, M. J. (2022). Criminal justice secrets. *American Criminal Law Review*, 59, 1541–1600.
- Saifullah, A. H. M., & Abdullah, R. (2021). A brief overview on the inquisitorial method in Malaysian Shariah courts. *Journal of Shariah Law Research*, 6(1), 67–88.
- Salim, A. (2015). *Contemporary Islamic law in Indonesia: Sharia and legal pluralism*. Edinburgh University Press.
- Soge, G. (2022). *Commitment to efficiency and legitimacy: A comparative approach to the plea negotiation systems in the United States and China*. Temple University James E. Beasley School of Law.
- Stuntz, W. J. (2013). *The collapse of American criminal justice*. Harvard University Press.
- Supriadi, M. (2024). *Optimalisasi upaya restorative justice oleh jaksa dalam proses peradilan pidana*. (Doctoral dissertation, Universitas Islam Sultan Agung Semarang).
- Syed Jaafar Alhabshi, S. M. S. (2025). *Certified Shariah advisor (CSA) & certified Shariah practitioner (CSP) programmes 2025/2026*. Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS).
- Vogel, F. E. (2000). *Islamic law and legal system: Studies of Saudi Arabia*. Brill.
- Zappalà, S. (2010). The rights of victims v. the rights of the accused. *Journal of International Criminal Justice*, 8(1), 137–164.